



GEREJA HOLY FAMILY, KAJANG
11, JALAN GEREJA, 43000 KAJANG
Tel: 03-87387404/ 03-87331154
<http://www.hfckajang.org.my>
email: holyfamily@archkl.org



Scan for updates

Waktu Urusan Pejabat Paroki
Isnin - Jumaat - 9.00PG - 5.00PTG
Sabtu - 9.00PG - 1.00PTG
Ahad & Cuti Umum - TUTUP

PADERI PAROKI : REV.FR.MICHAEL CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.PHILIP CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.BONAVENTURE

MINISTRI KAMPUS HFK (UNIVERSITI/KOLEJ)
SR. MARGARET PEREIRA RGS
marge.0190705@gmail.com

MISA DI PAROKI

Hari	Tarikh	Masa	Aktiviti	Deskripsi
Sabtu	13 Sep	7.00am 5.30pm 6.00pm	<i>Misa Bah. Inggeris</i> <i>Novena untuk Bonda Penolong Abadi</i> <i>Misa Bah. Inggeris</i>	<i>St John Chrysostom (m)</i>
Ahad	14 Sep	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	<i>Misa Bah. Tamil</i> <i>Misa Bah. Inggeris</i> <i>Misa Bah. Mandarin</i> <i>Misa Bah. Malaysia</i>	<i>Hari Minggu Biasa ke-24</i> <i>Pesta Pemuliaan Salib Suci</i>
Isnin	15 Sep	7.00am	<i>Misa Bah. Inggeris</i>	<i>SP Maria Berduakacita (m)</i>
Selasa	16 Sep	7.00am	<i>Misa Bah. Inggeris</i>	<i>St Cornelius & St Cyprian (m)</i>
Rabu	17 Sep	7.00am	<i>Misa Bah. Inggeris</i>	<i>St Robert Bellarmine (m)</i>
Khamis	18 Sep	7.00am	<i>Misa Bah. Inggeris</i>	<i>Liturgi Harian</i>
Jumaat	19 Sep	7.00am	<i>Misa Bah. Inggeris</i>	<i>St Januarius (m)</i>
Sabtu	20 Sep	7.00am 5.30pm 6.00pm	<i>Misa Bah. Inggeris</i> <i>Novena untuk Bonda Penolong Abadi</i> <i>Misa Bah. Inggeris</i>	<i>Sts Andrew Kim Taegon & Companions (m)</i>
Ahad	21 Sep	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm 5.00pm	<i>Misa Bah. Tamil</i> <i>Misa Bah. Inggeris</i> <i>Misa Bah. Mandarin</i> <i>Misa Bah. Malaysia</i> <i>Misa di Chapel St. Anne, Semenyih</i>	<i>Hari Minggu Biasa ke-24</i>

Renovation and upgrading works

Dianggarkan bahawa kerja-kerja di atas akan menelan belanja lebih kurang RM900,000.00.

Kami juga memohon sumbangan daripada semua umat bagi menampung kos di atas. Jika anda ingin memberi sumbangan, salurkan secara online transfer dengan rujukan "Parish Renovations"

Church of the Holy Family

Bank: Ambank

Nombor Akaun: 186-201-2003404

Bagi mereka yang ingin menderma secara tunai, anda boleh melakukannya dengan menggunakan sampul Misa Intensi/Derma yang terdapat di pintu masuk gereja. Langkah mudah untuk menggunakan sampul tersebut:-

Bulatkan atau gariskan perkataan '**DONATION**'

Anda boleh sama ada menyatakan nama anda atau biarkan kosong (diminta oleh).

- ✓ Sila nyatakan jumlah, letakkan wang ke dalam sampul dan tutup sampul tersebut.
- ✓ Simpan salinan pertama resit untuk rujukan anda..
- ✓ Masukkan sampul surat ke dalam kotak **HIJAU** di pintu masuk gereja..

Terima kasih atas kemurahan hati anda dan kami menerima sebarang jumlah dengan penuh kesyukuran.



Church of The Holy Family, Kajang.
 11, Jalan George, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 03-8732 1154 | 03-8738 7404 | hfckajang@gmail.com | www.hfckajang.org.my

Missa Intention (Donation) Envelope		No: 05372
(Please drop the envelope with your offering/envelope into the Mass intention Box)		
Mass for:		
<input type="radio"/> Thanksgiving	<input type="radio"/> Solemn	<input type="radio"/> Special Intention
Date of Mass Intention:		
<input type="radio"/> Wednesday (2) 7.00 a.m.	<input type="radio"/> Saturday (2) 7.00 a.m.	
<input type="radio"/> Thursday (2) 7.00 a.m.	<input type="radio"/> Sunday (2) 9.30 a.m.	
<input type="radio"/> Friday (2) 7.00 a.m.	<input type="radio"/> Sunday (2) 11.30 a.m.	
<input type="radio"/> Saturday (2) 1.30 p.m.	<input checked="" type="radio"/> Sunday (2) 1.30 p.m. - Mass for the People	
Amount (RM): _____		
Enveloped by: _____		
Phone No.: _____		
(Please retain the top white copy for your reference)		

Persekutuan Belia 2.0

Belia KUBM HFK akan menganjurkan program Persekutuan Belia 2.0 yang bertujuan menghimpunkan para belia untuk menyemai nilai kasih Kristus melalui perkongsian Firman, pujian dan penyembahan.

Tarikh : **20 Sept 2025 (Sabtu)** Masa : 12:00 PM - 5:00 PM

Tempat : Dewan Gereja Holy Family Kajang

Umur : Belia berumur 17 dan ke atas (penyertaan percuma)

Hubungi: Carle - 019 3193426

Mary - 019 8821405



Imbas kod QR
untuk daftar


Hari Bahasa Isyarat Antarabangsa 2025

Tarikh: 28/9/2025, Ahad

Tempat: Gereja Assumption, PJ

Masa: 8.30pg Misa Kudus (dirayakan oleh Uskup Agung Julian) diikuti dengan aktiviti dan pameran di dalam dewan.

Bahasa isyarat ialah nadi komuniti Pekak dan apa yang ditakrifkan secara asas budaya mereka. Datanglah dan sertai kami untuk sambutan Hari Bahasa Isyarat Antarabangsa tahun ini di Gereja Assumption. Jika anda ingin belajar beberapa asas Bahasa isyarat atau belajar tentang Budaya Komuniti Pekak, datanglah dan sertai kami.



Misi Penginjilan Baru untuk Kristus Keuskupan Agung KL (AMNEC) dengan kerjasama Gereja St. Theresa akan menganjurkan perayaan:

#THERESE100 – Hari bersama St. Thérèse dari Lisieux
Selasa , 16th September 2025 (Cuti Umum)

9.00pg – 5.30ptg di Gereja St. Theresa, Nilai
Perayaan ini menandakan **ulang tahun ke-100**

kekudusan St. Therese of Lisieux, dan akan menampilkan Misa Kudus, ceramah, fellowship serta sesi adorasi dan penyembuhan.

Kaunter akan dibuka selepas misa hujung minggu di Book Barrow pada 6 & 7 September 2025.
Untuk info lanjut sila hubungi Lucas Yong : 012 508 6180

Siri ke-2: Vaksin Influenza untuk rakyat Malaysia dan inokulasi campak rubella (MR) percuma untuk rakyat Malaysia dan warga asing.

Ini adalah program jangkauan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat yang akan menjalankan "klinik" dengan tujuan memberi vaksin influenza percuma untuk mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan warganegara Malaysia sahaja (dengan sekurang-kurangnya satu komorbid (diabetes melitus, hipertensi, kolesterol tinggi, penyakit buah pinggang kronik, penyakit paru-paru kronik - asma, COPD, penyakit jantung kronik dan obesiti dengan BMI > 30).

Mereka juga akan memberikan inokulasi rubella campak percuma kepada kanak-kanak (termasuk warga asing) dalam lingkungan umur 6 bulan hingga 59 bulan. Kanak-kanak yang lahir pada 1 Ogos 2020 hingga 31 Januari 2025 layak untuk program ini. Program ini akan dijalankan pada tarikh berikut:-

Tarikh: 21 Sep 25

Masa: 8pg hingga 1ptg

Tempat: Dewan Gereja

Pendaftaran akan dijalankan di Book Barrow selepas semua Misa hujung minggu, bermula pada 6th September 2025.



Tender Pengubahsuaian Rumah / Pejabat Paroki

Sukacita dimaklumkan bahawa dokumen tender bagi kerja pengubahsuaian pejabat dan rumah paroki telah tersedia dan boleh diambil di pejabat paroki pada hari bekerja semasa waktu pejabat.

Tarikh tutup tender adalah pada 30.09.2025 (Selasa) sebelum jam 12.00 tghari.



Kepada yang berminat untuk menyertai tender ini boleh menghubungi Sdr.Stanley Wong (**012-2734170**) untuk sesi lawatan tapak.

Para Klergi menghadiri Retreat

Fr Philip dan Fr Bonaventure akan berada di luar kawasan kerana menghadiri retret para klergi iaitu pada 15/9 hingga 19/9 di Pulau Pinang.

Pejabat Paroki Ditutup

Pejabat paroki akan ditutup semasa cuti umum iaitu pada: 15 Sept (Isnin) & 16 Sept (Selasa)

TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN ANDA:

6/9 & 7/9

Pungutan Hujung Minggu **RM14,314.00**

Pungutan PIHDM **RM12,612.00**

Dana Ubahsua Paroki 8/9 **RM143,938.00**